



FORMULA 4
الصِّفَةُ فِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ
KATA SIFAT DALAM BAHASA ARAB

1. PETA MINDA KATA SIFAT



2. KONSEP AM KATA SIFAT / مفهوم الصفة



KATA SIFAT = RUJUKAN (KN) + CIRI

KATA SIFAT : ialah ciri-ciri tertentu yang dikaitkan dengan sesuatu rujukan (KN) tertentu sama ada berjism atau abstrak.

3. UNSUR ASAS KATA SIFAT / عناصر الصفة

Unsur-unsur asas KS ialah :-

- A- Kata Nama yang berperanan sebagai benda yang disifatkan
- B- Ciri yang dikaitkan dengan benda yang disifatkan tersebut.

4. KATA SIFAT KIASI / الصفات القياسية

1. WAZAN KATA SIFAT MUJARRAD DAN FUNGSINYA

Wazan	Fungsi	Contoh
فَاعِلٌ	Menunjukkan sifat kepada pelaku	1- سَأَلَ سَائِلٌ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ
		2- حَضَرَ الْكَاتِبُ إِلَى الْمُؤْتَمَرِ
		3- الطَّائِعُ وَالْعَاصِي لَا يَسْتَوِيَانِ
مَفْعُولٌ	Menunjukkan sifat kepada yang kena laku (Objek)	4- الإِمَامُ مَسْئُولٌ عَنِ رَعِيَّتِهِ
		5- هَذَا يَوْمٌ مَوْعُودٌ
		6- غَيْرِ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ
فِعَالٌ مِفْعَالٌ فَعُولٌ فَعِلٌ فَعِيلٌ	Menunjukkan unsur sifat "berlebihan" atau "bersangatan" untuk pelaku	7- التَّمَامُ قَوْلٌ سَوْءٌ
		8- الطَّائِرُ مِحْدَارٌ صَائِدُهُ
		9- الْبَارُ وَصَوْلُ أَهْلِهِ
		10- أَنَا حَدِيرٌ أُمُورًا لَا تُضَيِّرُ
		11- أَقْدَرُ مَنْ يَكُونُ سَمِيْعًا خَيْرًا
أَفْعَالٌ مِّنْ	Menunjukkan perbandingan sifat yang sama antara dua benda	12- أَحْوَكُ أَنْفَعِ الرَّجَالِ

2. WAZAN KATA SIFAT MAZID DAN FUNGSI NYA

Wazan	Fungsi	Contoh
$\text{م} + \text{2}$ 	Menunjukkan :- Sifat Pelaku Biasa	-13 $\text{الْمُتَكَبِّرُ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ}$
	Sifat Pelaku Kekal	-14 $\text{أَنْتَ مُشْرِقُ الْوَجْهِ}$
$\text{م} + \text{2}$ 	Menunjukkan sifat kepada yang kena laku (Objek)	-15 $\text{وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ}$
		-16 $\text{وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُسْتَطَرٌّ}$

5. KATA SIFAT BUKAN KIASI / الصفات غير القياسية

iaitu Kata Sifat Musyabbahah (KSM) yang tidak boleh dibentuk secara kias menggunakan wazan tertentu. KSM berfungsi sebagai sifat yang kekal atau berterusan kepada pelaku seperti contoh-contoh dalam jadual di bawah. KSM terbahagi kepada :-

- i- KSM Asli ; iaitu yang lahir daripada sebutan orang Arab secara tabii
- ii- KSM Olahan ; iaitu yang diolah menggunakan cara tertentu.

A. BENTUK WAZAN KATA SIFAT MUSYABBAHAH ASLI

Contoh	Ciri-Ciri KSM Asli	Wazan KSM	Wazan KK	Jenis KK
$\text{مُشْرِقُ الْوَجْهِ}$ $\text{مَعْتَدِلُ الْقَامَةِ}$	Menunjukkan makna yang kekal dan berterusan	$\text{م} + \text{2}$ 	الوزن المزید	الثلاثي المزید
1- $\text{وَجَعُ / حَمِقُ / حَزَنُ}$ 2- $\text{أَحْمَرُ / أَصْلَعُ / أَعْشَى}$ 3- $\text{جَوْعَانُ / شَبَعَانُ / عَطَشَانُ}$	1- Kecacatan Batin / Penyakit Batin 2- Warna / Perhiasan / Cacat Zahir 3- Kosong / Penuh / Panas Dlm.	1- فَعِلَةٌ / فَعِلٌ 2- $\text{أَفْعَلُ / فَعْلَاءٌ}$ 3- $\text{فَعْلَانُ / فَعْلَى}$	فَعِلٌ فَعْلٌ	الثلاثي
$\text{حَمِيلٌ / صَلْبٌ / سَهْلٌ / حَسَنٌ / جُنْبٌ}$ $\text{جَبَانٌ / شَجَاعٌ / وَفُورٌ / عَاقِرٌ / خَشِينٌ}$		$\text{فَعِيلٌ / فُعُلٌ / فَعْلٌ / فُعْلٌ}$ $\text{فَعَالٌ / فُعَالٌ / فَعُولٌ / فَاعِلٌ / فَعِيلٌ}$	فَعْلٌ	المجرد
$\text{حَرِيصٌ / جَوَادٌ / شَيْخٌ / سَيْدٌ}$		$\text{فَعِيلٌ / فَعَالٌ / فَعْلٌ / فَعِيلٌ}$	فَعْلٌ	

1 Binaan KSM Asli adalah secara kias.

2 - Binaan KSM Asli daripada KK Wazan ini biasanya boleh dikias

B. KATA SIFAT MUSYABBAHAH OLAHAN

lalah Kata Sifat Pelaku (صفة فاعل) atau Kata Sifat Objek (صفة مفعول) yang diolah secara tidak langsung untuk menunjukkan suatu sifat yang kekal atau berterusan. Olahan tersebut dibuat dengan menambah “Pelaku” atau “Objek” selepas kedua-dua kata sifat tersebut..

Bentu KS	Format	Contoh
Kata Sifat Pelaku	نعت سببي تمييز شبيها بالمفعول إضافة	عَلِيٌّ شَامِيحٌ نَسَبُهُ عَلِيٌّ حَاشِعٌ صَلَاةً عَلِيٌّ مَأْكِرٌ النَّاسَ عَلِيٌّ صَادِقُ الْقَوْلِ
Kata Sifat Objek	نعت سببي تمييز شبيها بالمفعول إضافة	أَحْمَدُ مَهْزُولٌ فَصِيلُهُ أَحْمَدُ مَهْزُولٌ فَصِيلًا أَحْمَدُ مَهْزُولُ الْفَصِيلِ أَحْمَدُ مَهْزُولُ الْفَصِيلِ

6. PEMAKAIAAN KATA SIFAT

A- Pemakaian Secara Langsung

laitu pemakaian KS secara jelas sebagai ciri atau sifat kepada KN sebelumnya, la boleh digugurkan daripada ayat dan tidak akan merosakkan makna dasar ayat

tersebut. Contohnya : الْبَيْتَةُ الصَّالِحَةُ تَحْلِبُ النَّاسَ إِلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَى

B- Pemakaian Secara Tidak Langsung

laitu pemakaian KS untuk fungsi lain seperti sebagai subjek atau predikat. la tidak boleh digugurkan daripada ayat kerana berperanan sebagai perkataan “rukun” dalam sesuatu struktur ayat.

Contohnya :

- i- الْمُؤْمِنُ الصَّالِحُ خُلِقَ كَرِيمٌ
- ii- التَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ
- iii- اللَّهُ أَكْبَرُ

7. PENUKARAN KATA NAMA KEPADA KATA SIFAT

Kata Nama boleh ditukar menjadi Kata Sifat dengan menambah huruf “Ya” yang bertasydid (يَ) di akhirnya. Huruf “Ya” tersebut berperanan untuk menunjukkan fungsi makna “Ciri” kepada Kata Nama yang bersambung dengannya. Contohnya :

الْحُكُومَةُ الْمَالِيَّةُ تُدْفَعُ عَنْ ذَاتِيَّةِ شَعْبِهَا